

HARI : AHAD
TARIKH : 11/6/2019
M/SURAT : 11

Kawal niaga dalam talian

Memang agak sukar mengawal atau mengehadkan perniagaan dalam talian kerana ia tiada sempadan tetapi pihak berkuasa perlu serius menangani isu ini memandangkan pe-

nipuan perniagaan dalam talian semakin berleluasa.

Belalang bersetuju jika Kementerian Perdagangan Dalam Nege ri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD NHEP) mewajibkan peniaga dalam talian mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam usaha membanteras isu penipuan ini.